

D783

U B974 DEB
MAHATHIR - SIVIK

KUALA LUMPUR, 4 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA ADALAH PENTING DIPERKENALKAN MAKNA DAN MAKSUD KESEDARAN SIVIK DALAM MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG BERDISIPLIN DAN BAHAGIA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PIHAK HENDAKLAH MEMBERI SOKONGAN DAN BERUSAHA MENYUMBANG SERTA MEMPRAKTIKKAN KESEDARAN SIVIK DI KALANGAN MASYARAKAT DEMI KEUTUHAN DAN KESEJAHTERAAN BANGSA DAN NEGARA.

USAHA JUGA PERLU DILAKUKAN AGAR KESEDARAN SIVIK MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA PERIBADI RAKYAT MALAYSIA, KATANYA KETIKA MERASMIKAN HARI KESEDARAN SIVIK KEBANGSAAN YANG BERTEMAKAN +KESEDARAN SIVIK BERMULA DI RUMAH+ DI ANGKASAPURI, DI SINI, HARI INI.

SELAIN HARI KESEDARAN SIVIK, LANGKAH-LANGKAH LAIN HENDAKLAH JUGA DIADAKAN, KATA BELIAU SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA: +JIKA KITA INGIN MEMUPUK KESEDARAN SIVIK, MAKA KITA HARUS MENERANG DAN MENJELASKAN SEBABNYA IA BAIK BAGI DIRI KITA+.

BELIAU BERKATA TEMA ITU AMAT BERSESUAIAN DAN BERTEPATAN KERANA KESEDARAN SIVIK SEHARUSNYA BERMULA DI RUMAH DAN DITANAM DALAM DIRI SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT SEJAK KECIL LAGI. -- LAGI
1312MST 04 04 87

U B988 DEB
MAHATHIR - SIVIK 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KESEDARAN SIVIK BERMAKNA PERASAAN BERTANGGUNGJAWAB BUKAN SAHAJA TERHADAP HARTA SENDIRI, MALAHAN TERHADAP HARTA ORANG LAIN, YANG JUGA BERERTI MEMELIHARA KEPENTINGAN SENDIRI.

KONSEP INI PENTING KERANA DALAM MASYARAKAT MODEN, HARTA ORANG RAMAI MENINGKAT DAN PERLU DIHARGAI OLEH RAKYAT DEMI KEPENTINGAN RAKYAT SENDIRI, WALAUPUN HARTA ITU MUNGKIN TIDAK BERGUNA KEPADA KITA, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA INI KERANA KERAJAAN ATAU PIHAK BERKUASA TEMPATAN TERPAKSA MEMPERBAIKI ATAU MENGGANTIKAN HARTA ITU DENGAN MENGGUNA WANG RAKYAT YANG SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DIKUTIP DARIPADA RAKYAT.

+WALAUPUN TIDAK SEMUA DARIPADA KITA MEMBAYAR CUKAI, TETAPI PERBELANJAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KERAJAAN BERMAKNA PENGURANGAN PERBELANJAAN BAGI KEMUDAHAN LAIN UNTUK KITA SEMUA.

+MUNGKIN KITA BERPENDAPAT BAHAWA WANG YANG TERLIBAT SEDIKIT, TETAPI JIKA DIJUMLAHKAN KEROSAKAN YANG BERLAKU DI SELURUH NEGARA KERANA KURANGNYA KESEDARAN SIVIK, NILAI HARTA YANG ROSAK ITU BOLEH MENINGKAT KEPADA PULUHAN JUTA RINGGIT SETAHUN,+ TEGASNYA. -- LAGI
1400MST 04 04 87

U B989 DEB
MAHATHIR - SIVIK 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SELAIN ITU SESUATU KEROSAKAN HARTA BENDA, SEBAGAI CONTOH SEBUAH LIF, BOLEH MENIMBULKAN PELBAGAI MASALAH DAN MENGANGGUI KESELESAAN ANGGOTA MASYARAKAT BERTA PENDUDUK NEGARA AKAN MENERIMA IMEJ YANG TIDAK BAIK.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU: +JIKA KITA MEMPUYAI KESEDARAN SIVIK DAN CERMAT DENGAN HARTA AWAM, KITA AKAN MEMBAWA MANFAAT KEPADA MASYARAKAT TERMASUK KEPADA DIRI SENDIRI, BANGSA DAN NEGARA+.

BELIAU BERKATA MASYARAKAT YANG MEMPUYAI KESEDARAN SIVIK AKAN HIDUP MULIA DAN BAHAGIA, SEGALA URUSAN AKAN BERJALAN DENGAN BAIK DAN CEPAT KERANA PEMBAZIRAN MASA DAN WANG DAPAT DIELAKKAN.

+JIKA KITA SEDAR BAHAWA SOAL KESEDARAN SIVIK BUKANLAH SOAL ORANG LAIN MEMBETULKAN DIRI MEREKA SENDIRI, TETAPI SEMUA PIHAK MENGAKUI KESALAHAN DAN MEMBETULKAN DIRI, MAKA USAHA KE ARAH MENINGKATKAN KESEDARAN SIVIK AKAN LEBIH BERJAYA,+ KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PEMBENTUKAN KESEDARAN SIVIK MEMERLUKAN PENGLIBATAN IBU BAPA DAN GURU-GURU SECARA BESAR-BESARAN DAN IA MESTI DIAJAR SEPANJANG MASA, BUKAN SEKADAR DALAM BILIK DARJAH SAHAJA. -- LAGI

1404MST 04 04 87

0810

U B992 DEB
MAHATHIR - SIVIK 4 KUALA LUMPUR

INI BERMAKNA IBU BAPA DAN GURU TERPAKSA MENGAWABI GERAK-GERI KANAK-KANAK DI BAWAH JAGAANNYA SEPANJANG MASA, DAN SEKOLAH YANG TIDAK MENGALAMI KEROSAKAN DARIPADA SEGI KEMUDAHAN PERALATANNYA MENCERMINKAN SETAKAT MANA KESEDARAN SIVIK DIPUPUK DI SEKOLAH BERKENAAN, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA PERSIAPAN YANG TELITI DAN BAIK MESTI DISEDIAKAN TERLEBIH DAHULU JIKA MAHUKAN KESEDARAN SIVIK BERKESAN DAN BIASANYA SAMBUTAN ORANG RAMAI UNTUK MENJAGA HARTA AWAM BERGANTUNG PADA PEMELIHARAN OLEH MEREKA YANG DITUGASKAN MENJAGANYA.

SEBELUM ITU MENTERI PENERANGAN, TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN, KETIKA BERUCAP BERKATA KEMPEN KESEDARAN SIVIK ITU BERTUJUAN MENYEMAI DAN MENYEDARKAN MASYARAKAT AKAN PERLUNYA SIFAT MURNI DAN BERTANGGUNGJAWAB.

BELIAU BERKATA KEMPEN ITU YANG AKAN MENITIKBERATKAN ASPEK SIVIK SEPERTI PENDIDIKAN KELUARGA DAN DISIPLIN AKAN DITERAPKAN MELALUI MEDIA MASSA TERUTAMA MEDIA ELEKTRONIK DAN KEMPEN INTERPERSONAL.

BELIAU MENGGESA AGENSI KERAJAAN MELIBATKAN DIRI BECARA AKTIF DALAM MENJAYAKAN KEMPEN OLEH KEMENTERIAN PENERANGAN ITU DENGAN MENERAPKAN KEPENTINGAN KESEDARAN SIVIK DALAM AKTIVITI YANG DIJALANKAN. -- LAGI

1411MST 04 04 87

U 8993 DEB
MAHATHIR - BIVIK 5 KUALA LUMPUR

ANTARA YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI PELAJARAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN, DATUK ABU HASSAN OMAR, MENTERI KEBIHATAN, DATUK CHAN SIANG SUN, MENTERI BURUH, DATUK LEE KIM SAI, DAN MENTERI BESAR BELANGOR, DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK DR YUSOF NOOR, TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, ENCIK JEFFREY HAJI RAILEY, TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN, DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH OSMAN, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR BITI ZAHARAH SULAIMAN, SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATIN PADUKA ZALEHA ISMAIL, DAN SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENERANGAN, DATUK HAJI DABUKI AHMAD, JUGA HADIR.

SEBELUM PERASMIAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH BERSAMA-SAMA MENYANYIKAN LAGU PATRIOTIK HARI KESEDARAN BIVIK +KITA RAKYAT MALAYSIA+ DAN +BERJAYA+ BERSAMA-SAMA KOIR RTM DENGAN DIIRINGI OLEH ORKESTRA RTM.

SELEPAS PERASMIAN ITU PULA, BELIAU DENGAN DIIRINGI OLEH TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN TELAH MELUANGKAN MASA MELAWAT PAMERAN KESEDARAN BIVIK DI FOYER WISMA RADIO. -- BERNAMA
1413MST 04 04 87